

25/02/2001

PM nasihat rakyat tidak sia-siakan demokrasi

KUCHING: Rakyat Malaysia tidak harus mensia-siakan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini sekarang, sebaliknya perlu menjadikan pergolakan yang berlaku di negara jiran sebagai iktibar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, demokrasi bukan sistem yang mudah diamalkan kerana ia memberi kuasa kepada setiap seorang daripada rakyat, individu, warga negara atau kumpulan serta parti untuk bersuara.

Menurutnya, apabila seseorang memiliki kuasa, maka ada kalanya mereka akan menyalahgunakan kuasa itu untuk kepentingan diri.

"Dalam demokrasi, setiap orang diberikan kuasa. Kuasa untuk menaikkan atau menjatuhkan kerajaan, melalui proses pemilihan (pilihan raya) yang diadakan setiap lima tahun.

"Tapi kuasa ini boleh disalahgunakan, apabila ia digunakan untuk mengugut untuk tidak mengundi, kalau tidak mendapat sesuatu.

Ini satu cara rasuah juga, mengugut tidak memberi undi kalau mereka tidak mendapat sesuatu bagi dirinya, bagi tempatnya atau bagi kaumnya. Ugutan ini seterusnya akan membawa kepada pentadbiran yang tidak baik, tidak kemas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Perjumpaan dan Sesi Dialog antara Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Bersama Perdana Menteri di Hotel Crowne Plaza Riverside, di sini, semalam.

Sesi dialog itu dihadiri lebih 600 pegawai dan kakitangan kerajaan negeri dan Persekutuan. Hadir sama ialah, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Aziz Husain.

Menurut Perdana Menteri, apabila ugutan dibuat, maka usaha akan dilakukan bagi melayani ugutan berkenaan dan apabila kerajaan melayan ugutan yang tidak mempunyai asas yang baik, maka pada ketika itu apa yang berlaku ialah gejala rasuah.

"Rasuah ini pula berlaku kerana kuasa yang sedikit, bukannya kuasa yang banyak, hanya kuasa untuk memilih wakil rakyat.

"Ini kerana kita tahu setiap parti yang bertanding, terutama parti kerajaan terdedah kepada ugutan. Parti yang belum menjadi kerajaan tidak terdedah kepada ugutan, kerana tidak ada sesuatu apa pun yang boleh mereka lakukan.

"Bahkan, mereka yang belum menjadi kerajaan boleh membuat bermacam janji yang tidak munasabah. Kerana janji itu maka pengundi mengugut kerajaan - kalau kerajaan tidak menunaikan permintaan mereka, mereka akan memilih pihak yang berjanji, walaupun janji itu tidak boleh ditunaikan," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam pemerintahan berasaskan demokrasi, banyak pihak, banyak pendapat dan banyak kumpulan memainkan peranan. Masing-masing tidak melihat kepentingan negara keseluruhannya dan biasanya lebih mengutamakan kepentingan diri sendiri atau kepentingan kelompok, kepentingan kaum atau kepentingan tempatan.

Sebenarnya, kata beliau, Malaysia bukanlah sebuah negara yang mudah ditadbir, mudah ditentukan keamanannya dan mudah dimajukan.

"Ini kerana negara kita bukanlah negara yang penduduknya daripada satu kaum, sebaliknya daripada pelbagai kaum yang terpisah oleh anutan agama, bahasa dan budaya mereka.

"Semua ini menjadikan pentadbiran lebih rumit dan sudah tentu pembangunan juga menjadi lebih rumit," kata beliau.

Banyak juga negara lain katanya, yang sedang berpecah dan berpisah

antara satu sama lain seperti Yugoslavia, selepas ia menukar sistem pemerintahannya daripada sistem diktator komunis kepada sistem demokrasi.

"Juga, kita lihat perpecahan berlaku dalam negara lain, kerana perbezaan keturunan atau perbezaan agama, seperti di Sri Lanka umpamanya, berlaku permusuhan ketara," katanya.

(END)